

Pembangunan ambil kira isu perubahan iklim elak bencana

Berita Harizan (14/12/2022) M/S 12

- Perubahan iklim seperti banjir, kemarau dan tanah runtuh, menyebabkan kerugian kepada negara dan menjejaskan ekonomi serta emosi masyarakat

- Setiap individu perlu berperanan untuk membantu mengurangkan kesan rumah hijau seperti mengurangkan penggunaan tenaga bahan bakar fosil dan elektrik

Oleh Mohamed Khatif Tawaf
bhrencana@bh.com.my

Perubahan iklim boleh berlaku disebabkan proses semula jadi dalaman bumi dan juga aktiviti manusia secara langsung dan tidak langsung yang memberi kesan terhadap atmosfera bumi.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 2018 menyatakan dijangkakan pada 2030 ke 2050, kadar kematian disebabkan kesan perubahan iklim adalah sebanyak 250,000 dan kos kesihatan yang untuk rawatan adalah sebanyak AS\$4 bilion.

Perubahan iklim adalah satu isu global yang mana Malaysia juga akan terkesan dengan impak fenomena ini. Malaysia terletak di garisan Khatulistiwa menjadikan iklim negara ini panas dan lembab sepanjang tahun.

Keadaan cuaca ini menjadikan tanah di Malaysia subur untuk pertanian dan juga menjamin bekalan air bersih mencukupi bagi kegunaan domestik.

Bagaimanapun, keadaan cuaca luar biasa seperti hujan lebat berpanjangan boleh menyebabkan

galami perubahan antara -6 peratus hingga ke +6 peratus untuk masa akan datang.

Perubahan ini sudah pasti memberi kesan kepada ekosistem di Malaysia dan meningkatkan risiko bencana alam lain jika faktor perubahan iklim tidak diambil kira dalam pembangunan sesuatu kawasan.

Aktiviti manusia menjadi pemacu kepada fenomena dipanggil kesan rumah hijau yang memberi impak besar terhadap perubahan iklim. Contohnya, aktiviti seharian manusia seperti pembakaran bahan bakar fosil khususnya petroleum dan arang batu untuk penjana tenaga menjadi penyumbang terbesar kepada kesan rumah hijau.

Selain itu, pembangunan tidak terancang di sesuatu kawasan menyebabkan ketidakseimbangan corak penggunaan tanah. Contohnya, aktiviti pembalakan dan penebangan hutan tidak terkawal menyebabkan peningkatan pelepasan karbon dioksida di atmosfera bumi.

Secara amnya hutan adalah elemen penting dalam menstabilkan kandungan atmosfera bumi yang membekalkan oksigen dan menyerap karbon dioksida sekali gus mengurangkan kesan rumah hijau.

jung diklasifikasikan dalam zon berjaga-jaga kerana merekodkan gelombang haba tahap kuning.

Menurut Jabatan Meteorologi (METMalaysia), 10 daerah itu adalah Tampin, Tangkak, Kluang, Kuala Kangsar, Kinta, Batang Padang, Hilir Perak, Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang.

Malaysia pernah merekodkan gelombang haba tahap merah iaitu tahap kecemasan pada 1998. Suhu tertinggi pernah direkodkan pada tahun itu adalah 40.1 darjah Celcius disebabkan fenomena El Nino ketika itu.

Musim kemarau panjang dan hujan lebat berpanjangan serta tidak menentu dilihat semakin kerap melanda Malaysia. Keadaan ini berkait rapat dengan fenomena El Nino dan La Nina di Lautan Pasifik kesan daripada perubahan suhu antara lautan dan atmosfera.

Fenomena ini menjadi pemangkin kepada perubahan iklim di Malaysia seperti peningkatan taburan hujan dan cuaca panas melampau. Jika pencemaran alam terus berlaku dan kesan rumah hijau tidak dikawal dengan efektif, Malaysia berisiko tinggi dilanda cuaca ekstrem kesan perubahan iklim.

Oleh itu, setiap individu perlu memainkan



Pensyarah

Kanan, Pengajian
Kejuruteraan Awam,
Kolej Pengajian
Kejuruteraan,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Kampus Pasir
Gudang

kan berlaku bencana alam seperti banjir kilat, tanah runtuh dan banjir lumpur.

Hakikatnya, Malaysia amat terkesan dengan pelbagai bencana alam yang berkait rapat dengan perubahan iklim seperti banjir, kemarau dan tanah runtuh, menyebabkan kerugian kepada negara dan menjejaskan ekonomi dan emosi masyarakat.

Pada 2021 negara dikejutkan dengan peristiwa kepala air di Titi Hayun dan Batu Rampai, Kedah sehingga mengorbankan nyawa serta menyebabkan berlakunya banjir lumpur menjejaskan kediaman dan harta benda penduduk setempat.

Kejadian ini berlaku selepas beberapa jam hujan lebat melanda kawasan Gunung Jerai. Sebulan kemudian negara dikejutkan pula dengan kejadian tanah runtuh di Jalan Simpang Pulau-Cameron Highlands yang juga berpunca daripada hujan lebat berterusan.

Menurut penyelidikan dilakukan Institut Penyelidikan Air Malaysia (NAHRIM) pada 2013, taburan hujan di Semenanjung dijangkakan men-

Kajian terperinci diperlukan

Oleh itu keperluan untuk kajian terperinci mengenai kesan pembangunan terhadap alam sekitar perlu dijalankan dan dipatuhi sepenuhnya sebelum sesuatu kawasan hutan dibangunkan demi menjamin kelestarian alam untuk membantu mengurangkan kesan perubahan iklim.

Perubahan iklim juga memberi kesan kesihatan kepada manusia. Contohnya, peningkatan suhu bumi ataupun dipanggil gelombang haba menyebabkan penularan penyakit berkaitan haba dan juga meningkatkan kadar kematian.

Gelombang haba melampau boleh menyebabkan seseorang mengalami dehidrasi atau kekurangan bekalan air dalam tubuh, seterusnya diserang strok haba yang boleh membawa maut.

Selain itu, peningkatan suhu juga menyebabkan peningkatan kepekatan pencemaran udara, menambah buruk kesihatan manusia. Malaysia tidak terkecuali menerima kesan daripada gelombang haba.

Contohnya pada 2021, 10 daerah di Semen-

peran dalam menghadapi dan mengendalikannya masalah perubahan iklim. Setiap individu boleh membantu mengurangkan kesan rumah hijau seperti mengurangkan penggunaan tenaga bahan bakar fosil dan juga elektrik.

Program kesedaran di sekolah

Program kesedaran mengenai perubahan iklim perlu dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh kepada masyarakat. Hal ini perlu dititik beratkan bermula dari bangku sekolah bagi menanamkan corak pemikiran kepada generasi muda pentingnya tanggungjawab setiap individu mengurangkan kesan perubahan iklim.

Kerajaan memainkan peranan penting mewujudkan Dasar Perubahan Iklim Negara pada 2009 bagi menghadapi cabaran perubahan iklim secara menyeluruh dan bersepadu.

Dasar ini bertujuan memastikan pembangunan berdaya tahan terhadap perubahan iklim bagi memenuhi aspirasi negara dalam menerajui kelestarian.

Secara khususnya dasar ini menjadi satu panduan dalam sesuatu pelan pembangunan yang mana perubahan iklim diambil kira dalam perancangan, pelaksanaan dan setiap keputusan dibuat.

Selain itu dasar ini mendukung pertumbuhan ekonomi secara lestari berserta pemuliharaan alam sekitar dan juga pembangunan modal insan.

Justeru, setiap rakyat bertanggungjawab mendukung dasar ini dan memastikan setiap pembangunan dilakukan tidak mengorbankan kelestarian alam yang menjadi tonggak kepada kestabilan iklim.

Perubahan iklim adalah fenomena global tidak dapat lagi dielakkan dan kita perlu bersedia menghadapi kesan daripada fenomena ini. Bagaimanapun usaha mampan daripada semua pihak diharapkan dapat mengurangkan kesan negatif bakal berlaku akibat daripada perubahan iklim.

